



**KATEMENEH  
KOMUNIS**





# **KATEMENEH KOMUNIS**

EDITOR

**JAMAL RIZAL RAZALI  
IMADUDDIN ABIDIN**

**SUARA UMP**

**Penerbit Universiti Malaysia Pahang**

**Kuantan**

**2020**



**Universiti  
Malaysia  
PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

Penerbit

**Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang, 2020**

Cetakan Pertama, September 2020

Hakcipta adalah terpelihara  
Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

KATEMENEH KOMUNIS / EDITOR: JAMAL RIZAL RAZALI,  
IMADUDDIN ABIDIN.  
ISBN 978-967-2226-87-1  
1. Communists--Malaysia--History.  
2. Communism--Malaysia.  
3. Government publications--Malaysia.  
I. Jamal Rizal Razali. II. Imaduddin Abidin.  
320.53209595

Pengarah Penerbit : M. Azli  
Editor : N. Izzati Aisyah  
Pembaca Pruf : A. Humaira  
Reka Kulit : Moses  
Reka Letak : R. W. Chamie  
Pentadbiran : A. Azianti & F. W. Riann  
Jualan & Pemasaran : N. H.

Diterbitkan Oleh  
**Penerbit**  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang,  
Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3281

Urus Cetak  
**Jasamax Enterprise** (JM0300878-A)  
No 55, Jalan Kebudayaan 2, Taman Universiti,  
81300 Skudai, Johor.  
Tel: 07-521 2889/7829  
E-mail: jsmtmu@gmail.com

Share | Like | Tag

Jualan atas Talian: <http://apps-cfm.ump.edu.my/staff/ebooksump/>  
<https://mohbeli.com/product-category/books/>

FB Rasmi : Penerbit Universiti Malaysia Pahang  
IG Rasmi : Penerbitump

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	v
<b>Kata Pengantar</b>	vii
<b>Bab 1 Sejarah, Strategik dan Krisis Pemikiran Komunis di Malaysia: Satu Tinjauan Awal</b> <i>Mohd Arsad Johanis, Amirul Ridzuan Abu Bakar dan Nazarudin Zainun</i>	1
<b>Bab 2 Kemaraan Fahaman Komunis di Tanah Melayu (1921-1941)</b> <i>Ahmad Zaki Mohd Johari</i>	31
<b>Bab 3 Kegiatan Komunis di Pahang: Kajian Terhadap Strategi Kerajaan</b> <i>Hasnah Hussiin</i>	75
<b>Bab 4 ANZUS dan Ancaman Komunis di Asia Tenggara 1950-1955</b> <i>Sah-Hadiyatan Ismail</i>	95
<b>Bab 5 Penglibatan Penduduk Temerloh dalam Gerakan Politik Kiri (1946 – 1948)</b> <i>Mohamed Salleh Lamry</i>	119

<b>Bab 6</b>	<b>Dilema Perjuangan Melayu Zaman Darurat 1948-1960 dan Kesannya terhadap Kemerdekaan</b> <i>Hasan Ahmad</i>	145
<b>Bab 7</b>	<b>Iltizam Bangsa Melayu Menentang Komunis; Kupasan Isu di Selatan Tanah Air (Daerah Batu Pahat, Johor)</b> <i>Ku Hasnan Haji Ku Halim</i>	167
<b>Bab 8</b>	<b>Perbukuan Golongan Marx-Engels di Alam Melayu</b> <i>Mohammad Alinor Abdul Kadir</i>	197
<b>Bab 9</b>	<b>Kampung Baru di Pahang (1949-1952)</b> <i>Mohd Herman Roslan</i>	213
<b>Bab 10</b>	<b>Serangan Komunis di Pahang</b> <i>Jamal Rizal Razali, Imaduddin Abidin dan Hishamuddin Abd Rahman</i>	235
	<b>Biodata Penulis</b>	279
	<b>Indeks</b>	287

## **KATA PENGANTAR**

Buku ini adalah kumpulan beberapa buah bab yang ditulis berdasarkan kajian dan penyelidikan ilmiah (Geran Penyelidikan UMP No. RDU 1703123 Kajian Penentusahan Peristiwa Serangan Balai Polis Kuala Krau Temerloh Pahang berjumlah RM11,000.00) yang dijalankan oleh para pensyarah daripada Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Selain itu, terdapat juga bab yang disumbangkan oleh pengkaji daripada beberapa institusi lain di seluruh Malaysia.

Buku ini diberi judul “Katemeneh Komunis” yang membawa maksud “kerenah komunis”. Kata “katemeneh” diambil daripada bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan yang hampir sama maksudnya dengan kata “ulah” yang merujuk kepada suatu keadaan huru-hara disebabkan oleh sesuatu (sila rujuk [prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my)). Pemilihan kata tersebut juga untuk mengukuhkan teras pemikiran dalam buku ini yang memaparkan kesan sebab-akibat yang terhasil daripada perbuatan pihak komunis di seluruh dunia dan negara kita.

Teras perbincangan oleh para penulis di dalam buku ini ialah “komunis” yang disorot daripada pelbagai perspektif, latar dan konteks. Terdapat 10 bab yang ditulis oleh empat belas orang penulis yang mengupas dan membahaskan hal

ehwal berkaitan dengan komunis sama ada sebagai sebuah ideologi politik, pemikiran mahupun sebagai suatu kerangka pergerakan sesebuah organisasi. Perbahasan dan perbincangan mengenai maudhuk ini merupakan suatu hal yang penting bagi membuka perspektif yang lebih luas lagi “komunis” itu sendiri yang kewujudannya sangat kontroversi. Oleh yang dimikian, diharapkan buku ini sedikit sebanyak dapat membekalkan maklumat kepada para pembacanya akan perihal “komunis” dan “komunisme” tersebut.

Bab dalam buku ini dimulakan oleh **Mohd Arsad Johanis, Amirul Ridzuan Abu Bakar dan Nazarudin Zainun (Sejarah, Strategik dan Krisis Pemikiran Komunis di Malaysia: Satu Analisis Awal)** membahaskan tentang sejarah, strategik dan krisis pemikiran komunis di Malaysia. Mereka berpendapat bahawa secara umumnya setiap daripada kejadian yang melibatkan paksaan serta mampu mewujudkan rasa bimbang boleh dikategorikan sebagai satu krisis yang akhirnya membawa kepada isu trauma dalam diri seseorang individu. Oleh yang demikian, kedatangan komunis ke Tanah Melayu juga merupakan suatu krisis kerana melalui kedatangan mereka ini akhirnya suasana serta iklim masyarakat setempat di Tanah Melayu pada ketika itu berubah menjadi suatu keadaan yang tegang serta mengalami pelbagai tekanan dalam hidup. Keadaan yang tidak diingini ini bukan hanya melibatkan perasaan serta pemikiran mereka bahkan ia turut melibatkan kehilangan nyawa dalam kalangan ahli masyarakat yang ada ketika itu. Perasaan trauma, takut yang berpanjangan serta perasaan seperti tiada harapan menyelubungi masyarakat



Melayu pada ketika itu sehinggakan perkara ini terbawa-bawa dalam kehidupan harian mereka. Tulisan ini melihat kesan dari sudut psikologi masyarakat Melayu secara umumnya semasa kemasukan komunis ke Tanah Melayu. Selain itu, herotan-herotan dalam pemikiran turut diterangkan secara mendalam berkenaan keadaan emosi dan pemikiran mereka serta golongan tentera komunis yang ada pada masa tersebut. Selain itu, sedikit berkenaan sejarah permulaan teretusnya ideologi komunisme ini akan dihuraikan secara terperinci daripada sudut corak pemikiran, fahaman serta perkembangan peringkat awal sehingga kepada kemasukan fahaman ini ke Tanah Melayu.

Melalui bab kedua pula, **Ahmad Zaki Mohd Johari (Kemaraan Fahaman Komunis)** membincangkan tentang perkembangan ideologi komunis di Eropah terutamanya selepas penubuhan Comintern. Hal ini telah mempengaruhi perkembangan ideologi komunis di Tanah Melayu, bermula sekitar tahun 1921-1922, sehinggalah tertubuhnya Parti Komunis Malaya (PKM) pada 30 April 1930. Seterusnya, berlaku dan wujud pula persaingan pengaruh antara ideologi komunis yang dibawa oleh PKM dengan kuasa British di Tanah Melayu sekitar tahun 1930-1941, terutamanya terhadap dasar kapitalisme dan imperialisme yang didokongi oleh kuasa Barat tersebut.

Dalam hal ini, pihak komunis mendapati dasar tersebut telah menindas dan menghalang kebebasan rakyat. Perkara ini disokong dengan pendekatan yang digunakan oleh PKM yang bergerak melalui kegiatan parti politik secara sulit di bawah pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu dari

tahun 1930 hingga 1941, dengan mengambil kesempatan menghasut golongan buruh terutamanya melalui kesatuan-kesatuan sekerja agar melakukan tunjuk perasaan dan pemogokan di kawasan-kawasan lombong, industri dan ladang-ladang getah serta di pelabuhan. Tindakan ini dilakukan dengan tujuannya untuk mendapatkan sokongan rakyat dan menyebarkan pengaruh mereka. Hasilnya, produktiviti syarikat naungan British telah terjejas teruk dan memaksa kerajaan British mengambil tindakan perundangan yang tegas terhadap mereka.

Namun demikian, sebelum meletusnya perang dunia kedua, kerjasama antara kedua-dua pihak yang berlainan ideologi itu mulai terjalin. Bagaimanapun, hubungan yang terbina itu adalah semata-mata untuk menentang musuh mereka bersama, iaitu Jepun. Selepas Jepun mengangkat bendera putih pada 1945, kedua-dua pihak kembali menentang antara satu sama lain dan Tanah Melayu serta rakyatnya menjadi mangsa kepada kedua-dua belah pihak walaupun pada akhirnya, British telah melepaskan Tanah Melayu menjadi sebuah negara berdaulat.

**Hasnah Hussiin (Kegiatan Komunis di Pahang: Kajian terhadap Strategi Kerajaan)** pula membahaskan tentang impak pendudukan Komunis di Tanah Melayu. Secara umumnya tempoh Komunis menduduki Tanah Melayu tidak lebih daripada empat belas hari. Namun demikian, pendudukannya telah meninggalkan sejarah yang tersendiri sama ada terhadap demografi, budaya, politik dan juga pemikiran masyarakat Melayu pada waktu tersebut. Sepertimana pendudukan British di negara ini, penjajahan

Jepun juga telah meninggalkan kesan yang amat mendalam terutamanya kepada pihak pemerintah dalam membangunkan negara ini walaupun tempoh penjajahan Jepun hanya dalam waktu yang singkat. Pendudukan Jepun telah membawa bersama mereka ideologi Komunis kepada penduduk Tanah Melayu dan tidak terkecuali penduduk negeri Pahang apatah lagi negeri Pahang merupakan negeri yang terbesar di Malaysia. Kedudukan negeri Pahang yang mempunyai kawasan hutan telah memudahkan lagi pergerakan komunis dan menjadi pusat pergerakan komunis di negara ini. Dalam bab ini juga akan dibincangkan bagaimana kerajaan mengatur strategi bagi membasmi komunis di Pahang yang menjadi tempat terbesar kegiatan komunis jika dibandingkan dengan negeri lain. Tidak dinafikan bahawa terdapat pelbagai kesan yang dilalui dan dihadapi oleh negara kita beserta penduduknya akibat daripada pendudukan dan ancaman komunis ini.

**Sah-Hadiyatan Ismail (ANZUS dan Ancaman Komunis di Asia Tenggara 1950-1955)** dalam bab berikutnya membincangkan impak daripada kejatuhan negara China ke tangan ideologi komunis pada 1949 dan diikuti dengan Perang Korea yang bermula pada Jun 1950. Perkembangan ini telah menimbulkan kegusaran negara-negara Barat. Ancaman komunis dilihat semakin serius dan usaha untuk mempertahankan kawasan yang masih belum ditawan oleh komunis mula dirancang oleh kuasa-kuasa Barat dan sekutu mereka seperti Australia dan New Zealand. Makalah ini menganalisis Perjanjian ANZUS (Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat) sebagai tindak balas

dan usaha mempertahankan pengaruh kuasa barat di rantau Asia Tenggara.

Makalah ini membincangkan mengenai ancaman komunis di Asia Tenggara dan bagaimana Australia menganggap ANZUS sebagai satu asas yang penting dalam pertahanan negara daripada ancaman komunis dan menjadikan Amerika Syarikat sebagai pelindung Australia daripada sebarang ancaman dan serangan dari luar negara. Analisis makalah ini adalah dari sumber pertama iaitu dokumen dari Amerika Syarikat yang diterbitkan dalam siri *Foreign Relations of the United States* dan juga dokumen kerajaan Australia yang diperolehi dari Arkib Negara Australia. Selain dari sumber pertama makalah ini juga turut merujuk sumber kedua iaitu jurnal dan buku-buku.

Makalah ini mendapati Australia sangat berbesar hati mendapat perlindungan dari Amerika Syarikat melalui Perjanjian ANZUS dan bersedia untuk menunjukkan sokongan kepada Amerika melalui penglibatan ketenteran dan menyelaraskan perancangan supaya selari dengan perancangan Amerika Syarikat. Namun Amerika Syarikat pula tidak menganggap negara mereka terikat dengan perancangan Australia dan sering kali tidak menerima cadangan Australia dalam perancangan ketenteraannya.

**Bagi Mohamed Salleh Lamry (Penglibatan Penduduk Temerloh dalam Gerakan Politik Kiri (1946 – 1948)),** beliau membincangkan penglibatan orang Melayu di temerloh dalam Gerakan Politik Kiri yang sinonim dengan gerakan komunis. Dalam sejarah politik tanah air, Temerloh

merupakan satu tempat yang penting malah mungkin sebagai tempat kemunculan dan berkembangnya gerakan politik kiri di negara kita. Konsep politik yang digunakan dalam bab ini merujuk kepada penggunaan umum pada waktu itu iaitu bermaksud gerakan politik kiri di luar UMNO atau tidak bersama UMNO. Oleh yang demikian, pengertian “kiri” di sini bukanlah merujuk kepada ideologi tertentu sama ada sosialis, komunis atau ideologi-ideologi lain.

Hal ini demikian kerana orang-orang yang berpegang kepada ideologi sosialis atau komunis memang dianggap sebagai orang kiri. Akan tetapi, di dalam konteks perbincangan ini, orang-orang nasionalis yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air pun akan dianggap “kiri” jika mereka tidak berjuang bersama UMNO. Secara lebih jelas lagi, bab ini akan membincangkan penglibatan penduduk Temerloh dalam gerakan politik kiri dalam satu era yang bersejarah iaitu era selepas Perang Dunia Kedua hingga darurat atau lebih khusus lagi antara tahun 1946 hingga 1948. Ada beberapa parti politik yg berjuang mengikut jalan sendiri atau tanpa UMNO pada masa itu, iaitu PKMM, API, AWAS, BATAS dan PETA. Tumpuan perbincangan adalah tiga perkara iaitu bentuk-bentuk penglibatan atau aktiviti yang dijalankan, siapakah yg terlibat dan faktor-faktor penglibatan.

Dalam bab seterusnya, **Hasan Ahmad (Dilema Perjuangan Melayu Zaman Darurat 1948-1960 dan Kesannya terhadap Kemerdekaan)** membincangkan pengalaman dan perasaan yang dialami oleh orang-orang Melayu di sekitar kawasan Pahang Tengah sepanjang

tempoh darurat (1948-1960). Tidak dapat dinafikan bahawa zaman darurat yang dikaitkan dengan keganasan anasir subversif komunis di Malaya adalah merupakan satu detik hitam dalam sejarah Malaysia. Zaman tersebut telah membawa kesengsaraan kepada setiap lapisan masyarakat di Tanah Melayu yang majoritinya terdiri daripada kaum Melayu. Perasaan takut, dendam, marah serta simpati menyelubungi penduduk Malaya pada zaman tersebut dari kampung hinggalah ke bandar. Terlalu banyak cerita sengsara dan derita yang direkodkan sama ada dalam bentuk tulisan dan lisan. Cerita lisan merupakan cerita yang paling banyak didengari dari generasi terdahulu tentang kekejaman komunis di negara ini. Kebanyakan cerita adalah berkisar tentang penderitaan hidup dalam kemiskinan dan penderitaan serta kisah-kisah kemusnahan harta benda termasuk pembunuhan yang dilakukan oleh penganas komunis.

Melalui bab ketujuh, **Ku Hasnan Ku Halim (Iltizam Bangsa Melayu Menentang Komunis; Kupasan Isu di Selatan Tanah Air (Daerah Batu Pahat, Johor))** menulis tentang iltizam orang Melayu dalam penentangan terhadap penganas komunis di daerah Batu Pahat sepanjang tempoh darurat. Tulisan beliau bertumpu kepada gerakan penentangan yang dilakukan oleh orang-orang Melayu yang terdiri daripada orang awam atau orang biasa yang tidak memiliki kelengkapan senjata atau latihan ketenteraan secara professional. Berdasarkan temubual dengan beberapa individu yang terlibat dengan gerakan penentangan tersebut, penulis menggambarkan rentetan kejadian secara drastik dan

pembaca dapat merasakan seolah-olah kejadian tersebut sedang berlaku di depan mata pembaca.

Namun demikian, berbekalkan semangat dan kepercayaan sepenuhnya akan keberkatan dalam perjuangan yang dilancarkan, orang-orang melayu melakukan penentangan terhadap penganas komunis ini yang cuba merampas dan memusnahkan harta, keluarga, agama dan tak terkecuali kepercayaan politik mereka. Tidak dinafikan bahawa parut bekas luka pertempuran dan pertembungan yang berlaku antara penganas komunis dan orang-orang Melayu ini masih lagi terasa pedihnya. Namun demikian, kehidupan mesti diteruskan, dena parut yang ada adalah bukti dan tanda sesuatu peristiwa telah berlaku suatu ketika dahulu. Maka, sudah menjadi tanggungjawab generasi sekarang untuk sentiasa mengingati dan menghayati peristiwa tersebut yang memberikan banyak kesan kepada masa kini, dan tidak terkecuali pada masa hadapan.

Dalam bab lapan, **Mohammad Alinor Abdul Kadir (Perbukuan Golongan Marx-Engels di Alam Melayu)** membicarakan tentang peninggalan oleh beberapa orang tokoh pemikir yang dikaitkan dengan komunis sebagai suatu ideologi. Dalam tulisannya, beliau menyebut beberapa tokoh utama yang mempelopori falsafah komunisme di Eropah dan juga di belahan Nusantara, terutamanya di Indonesia dan tidak terkecuali di Tanah Melayu. Dalam hubungan itu, beliau juga membangkitkan persoalan tentang kemungkinan-kemungkinan yang akan dibicarakan oleh Samsiah Fakeh di dalam karya atau tulisan yang pernah dihasilkannya. Bagi penulis, sekiranya semua dokumen atau

hasil tersebut dapat didokumentasikan dan didedah secara komprehensif, ideologi atau buah fikiran serta perspektif Samsiah Fakeh terhadap perjuangannya bersama PKM akan dapat difahami. Selain itu, suatu perbandingan hasil pemikiran yang diutarakan oleh beberapa orang tokoh pergerakan komunis ini akan dapat dilakukan.

Dalam bab sembilan, **Mohd Herman Roslan** dari Arkib Negara Malaysia membincangkan tentang Perkembangan Awal Kampung Baru di Pahang (1949-1952) Selain daripada gerakan kiri Melayu di Pahang, terdapat pelbagai lagi isu yang boleh dikaitkan dengan pergerakan Parti Komunis Malaya (PKM) dan implikasi kepada pemberontakan tersebut antaranya kewujudan Kampung Baru. Negeri Pahang juga terlibat secara tidak langsung kepada masalah-masalah yang berlaku di Tanah Melayu akibat daripada keganasan komunis ini. Pada tahun 1951, Henry Gurney telah dibunuh oleh PKM di Bukit Fraser dan salah satu penyebab kepada pembunuhan ini berkemungkinan besar kerana penolakan beliau terhadap Rancangan Penempatan Semula Imigran di bawah Rancangan Briggs. Kajian ini akan melihat sejarah awal perkembangan kampung baharu di negeri ini dan masalah-masalah yang berlaku sepanjang tempoh ini.

Manakala bab yang terakhir, **Jamal Rizal Razali, Imaduddin Abidin** dan **Hishamuddin Abd Rahman (Serangan Komunis di Pahang)** telah melakukan analisis terhadap senarai serangan yang dilakukan di negeri Pahang sejak tahun 1949 sehingga tahun 1982. Secara keseluruhannya, terdapat 90 serangan yang dilakukan oleh



pengganas komunis di seluruh negeri Pahang. Penulis melakukan analisis kekerapan serangan berlaku berdasarkan tarikh, bulan, tahun, tempat serangan dan jumlah bagi setiap satu ciri tersebut. Berdasarkan analisis tersebut, penulis membuat kesimpulan bahawa pengganas komunis telah mendatangkan impak negatif yang besar kepada keharmonian di Malaysia. Dapat dikatakan bahawa tidak ada satu pun kesan positif yang dihasilkan daripada serangan tersebut. Telah dicatatkan bahawa banyak nyawa orang awam dan anggota pasukan keselamatan yang terkorban, harta benda yang hancur musnah selain kecederaan dan kecacatan fizikal dan psikologi.

Secara umumnya, semua bab yang ditulis merupakan kupasan yang dilakukan oleh para penulis daripada perspektif tertentu. Kupasan tersebut adalah hasil daripada pengamatan, pencarian dokumen dan wawancara yang dilakukan secara komprehensif bagi menampilkan keadaan sebenar yang berlaku dan berkaitan dengan komunis. Hal ini demikian kerana buku ini lebih kepada suatu catatan akan sebab dan akibat serta rangkaian yang wujud sebelum, semasa dan selepas kemunculan komunis dan komunisme di seluruh dunia. Dalam hal ini, para pembaca boleh membuat tafsiran, rumusan dan kesimpulan sendiri yang mungkin bebas daripada teks.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penulis yang telah bertungkus lumus menyiapkan draf tulisan mereka disela-sela kesibukan mengajar, membuat penyelidikan, membenteng penulisan di pelbagai persidangan dan menerbit tulisan-tulisan ilmiah

agar dapat dikongsi dengan masyarakat yang lebih luas lagi. Penghargaan dan terima kasih kepada UMP yang telah menganugerahkan geran penyelidikan kepada kami (Geran Penyelidikan UMP No. RDU 1703123 Kajian Penentusahan Peristiwa Serangan Balai Polis Kuala Krau Temerloh Pahang berjumlah RM11,000.00) Tidak terkecuali, pihak Penerbit UMP yang sentiasa mendorong kami menulis dan melontarkan buah fikiran serta pandangan supaya dapat dinikmati oleh masyarakat. Walau bagaimanapun, setiap kekurangan dan kesilapan yang ada dalam buku ini adalah tanggungjawab kami sepenuhnya sebagai editor.

Prof Madya Dr. Jamal Rizal Razali,  
Kapten Imaduddin Abidin


07 Zulhijjah Ramadhan 1440 / 08 Ogos 2019  
Pusat Sains Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Pahang,  
Pekan Bandar DiRaja,  
Pahang Darul Makmur.



*Ingatan abadi untuk sahabat kami  
yang tiada duanya,*

*Arman A. Rahim  
(1975-2019)*





**BAB 1:**

**SEJARAH, STRATEGIK DAN  
KRISIS PEMIKIRAN KOMUNIS DI  
MALAYSIA : SATU TINJAUAN AWAL**

Mohd Arsad Johanis, Amirul Ridzuan Abu Bakar dan  
Nazarudin Zainun

**PENGENALAN**

Krisis yang wujud akibat daripada kemasukan pergerakan komunis ke Tanah Melayu secara umumnya telah meninggalkan pelbagai kesan dari sudut psikologi masyarakat di negara ini pada ketika itu. Terdapat kesan secara mendalam akibat daripada kemelut komunis ini terhadap corak pemikiran serta tingkah laku masyarakat pada masa tersebut. Krisis ini mula berlaku seawal tahun 1920 apabila pergerakan komunis mula melangkah masuk ke Tanah Melayu. Ketika itu, anggota-anggota komunis melakukan kerja-kerja penyebaran hasutan dengan melakukan gerak kerja menyebarkan segala maklumat tentang matlamat, fahaman dan kegiatan komunis kepada masyarakat setempat.

Mereka memilih golongan muda, pekerja serta pelajar sebagai sasaran utama kerana mereka melihat bahawa golongan ini mudah untuk dimanipulasi dan dipergunakan

bagi mencapai matlamat mereka. Kesan daripada tindakan komunis ini, pada April tahun 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) akhirnya berjaya ditubuhkan dan mendapat sokongan oleh sebahagian masyarakat Melayu pada masa itu.

Pelbagai bukti menunjukkan bahawa pihak komunis berjaya mempengaruhi golongan belia. Fahaman serta matlamat komunis berjaya ditanam dalam pemikiran serta jiwa masyarakat Melayu dan melalui kewujudan PKM ini, strategik serta pengurusan mereka menjadi semakin tersusun rapi. Matlamat utama yang diharapkan oleh pergerakan komunis adalah untuk mewujudkan sebuah kerajaan baharu yang ingin dikenali sebagai Republik Rakyat Malaya. Ketegangan semakin memuncak apabila Tanah Melayu pada 16 Jun 1948 berada dalam keadaan darurat akibat perkembangan fahaman komunisme serta kekacauan yang teruk dilakukan oleh komunis.

Namun demikian, keadaan ini tidak berterusan apabila pada 31 Julai 1960, keadaan dapat dikawal apabila gerakan komunis berjaya dikekang oleh kerajaan dengan sokongan masyarakat ketika itu. Namun begitu, perjuangan kumpulan ini tidaklah terus terhenti, sebahagian besar daripada mereka yang terselamat telah berundur ke Thailand. Mereka tidak menyerah kalah, sebaliknya berusaha untuk menambah kekuatan dengan penambahan ahli baharu dan menanam ideologi mereka kepada seluruh anggota yang ada.

Pada Jun 1968, semangat yang ada dalam diri para anggota komunis tetap terus membara apabila PKM telah